

Pengendalian Pengurusan Produk Hibah di Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad

Adilah Mohd Sa'afie
Mohd Zamro Muda
Noor Lizza Mohamed Said
Md. Yazid Ahmad
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
adilahaafie@gmail.com

Abstrak

Penawaran produk hibah dalam perancangan harta mula berkembang dengan wujudnya pelbagai institusi yang menawarkan produk hibah seperti Warisan Mukmin, Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad. Kepelbagaian produk yang wujud dari pelbagai institusi menimbulkan kekeliruan pada masyarakat dan adakah pelaksanaannya mampu untuk merealisasikan hajat pemberi hibah khususnya. Justeru, artikel ini ditulis bagi melihat kepelbagaian corak pengurusan hibah di institusi-institusi yang menawarkan produk hibah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah analisis dokumen serta pendekatan deskriptif dan juga komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam pengendalian pengurusan produk hibah di Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad.

Kata kunci: Hibah, Perancangan harta, Pengurusan, Wasiyyah Shoppe Berhad, As Salihin Trustee Berhad

Pengenalan

Hibah yang telah diamalkan oleh masyarakat di Malaysia adalah merupakan salah satu bentuk pengurusan harta yang dianjurkan dalam Islam. Ia bukanlah bertujuan untuk membelakangi sistem pembahagian harta secara faraid, tetapi ia menjadi alternatif kepada sistem pengagihan harta dalam Islam. Menurut Rusnadewi (2013) dan Adilah (2015) dalam kajiannya menunjukkan kejahilan dalam bidang faraid serta sikap masyarakat yang tidak prihatin dan mengambil berat terhadap usaha pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan merupakan antara isu dalam pembahagian harta pusaka.

Selain itu, menurut Azman Ismail (2013), hukum faraid hanya tertakluk kepada perwarisan Islam. Maka, jika seorang anak bukan Islam tidak boleh mewarisi harta seorang bapa yang Islam. Oleh yang demikian, hibah dilihat menjadi jalan keluar terhadap isu yang wujud ini kerana sifat hibah itu sendiri yang lebih fleksible dari aspek perlaksanaannya dan dapat menurun hakmilik waris mengikut hajat pemberi hibah dengan selamat (Mohd Zamro & Noor Lizza 2015).

Hibah juga merupakan satu bentuk perancangan awal terhadap harta. Pelaksanaan hibah ini perlu memenuhi rukun dan syarat yang digariskan dalam Islam yang merangkumi *al-wahib*, *al-*

mawhub, *al-mawhub lahu* dan *sighah* (*ijab* dan *qabul*). Menurut Imam al-Thawri, Abu Hanifah, al-Shafi'i dan satu riwayat dalam Imam Ahmad berpendapat *al-qabd* juga perlu sebagai syarat kesempurnaan dalam hibah (Ibn Qudamah 1968).

Hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja mengikut kemahuan pemberi hibah. Justeru, penerima hibah boleh terdiri daripada waris atau bukan waris, Islam atau bukan Islam dan individu atau mana-mana badan yang diiktiraf oleh syarak. Sebagai contoh dalam kes *Aridah Binti Dulmukti v Samingah Binti Dolmukti @Dulmukti* (No. Kes:10300-044-0535-2013) menyebutkan bahawa plaintif adalah anak angkat kepada si mati yang juga merupakan penerima hibah dalam kes ini. Walaupun begitu, hibah yang dilakukan telah dicabar oleh waris yang lain. Mahkamah memutuskan hibah yang dilakukan adalah sah berdasarkan kepada bukti dan keterangan yang diberikan. Dalam kes *Harizah Binti Zainal Ehsan v Fatimah Binti Yusof dan lain-lain* (No. kes: 10100-044-0220-2013), plaintif adalah merupakan anak tiri kepada si mati. Kemudian, plaintif mengemukakan dokumen Pengisytiharan Hibah dan saksi bagi memberi keterangan terhadap hibah yang dilakukan oleh si mati. Mahkamah memutuskan hibah tersebut adalah sah.

Berdasarkan kes tersebut telah menjadi bukti bahawa perancangan harta melalui hibah telah dilaksanakan di Malaysia. Berikutan itu, perkembangan perancangan harta melalui hibah dapat dilihat apabila lahirnya pelbagai institusi-institusi yang menjadikan hibah sebagai salah satu instrumen yang ditawarkan dalam perancangan harta Islam. Hal ini termasuklah syarikat-syarikat amanah, badan-badan kerajaan dan lain-lain, seperti pihak bank, Majlis Agama Islam, pihak peguam, Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad, Wasiyyah Shoppe Berhad dan Warisan Mukmin. Berikutan itu, lahirnya banyak institusi yang menawarkan hibah, maka lahirnya pelbagai bentuk hibah yang ditawarkan. Hal ini termasuklah dari aspek penyediaan dokumen, kaedah pengurusan dan fee yang dikenakan dalam menguruskan hibah.

Pengendalian Pengurusan Produk Hibah Wasiyyah Shoppe Berhad (WSB)

Bagi tujuan hibah, WSB akan menyediakan Dokumen Pengisytiharan Hibah yang terkandung hasrat pemberi hibah dan maklumat diri. Melalui produk ini, pelanggan boleh menetapkan sesiapa sahaja yang akan mewarisi hartanah (*real properties*), saham syarikat (*limited's company share*), akaun bersama (*joint account*), kenderaan (*vehicles*) dan barang kemas (*jewelleries*) berdasarkan formula yang diinginkan oleh pelanggan. Pengurusan hibah di WSB melibatkan Perunding Profesional Mawarith (PPM) dan Ketua Perunding Eksekutif (KPE). Pengurusan hibah di WSB bermula melalui peranan PPM dan KPE sebagai pengantara di antara pelanggan dan WSB. Terlebih dahulu PPM dan KPE perlu menghadiri BOP (*Business Opportunity Program*), dalam BOP penerangan serba sedikit mengenai produk dan pengurusan dilakukan bagi memberi penjelasan kepada PPM. Ujian bertulis turut dijalankan selepas BOP selesai dijalankan bagi mengetahui tahap kefahaman PPM (Nurul Huda 2016).

KPE dan PPM akan bertindak dengan memasarkan produk hibah melalui taklimat pengurusan harta, ceramah, edaran *flyers* dan melalui media sosial seperti rangkaian *facebook* dan *whatsapp*. Kemudian, jika terdapat pelanggan yang berhasrat untuk melakukan hibah, pelanggan perlu mengisi borang temujanji dan seterusnya, KPE dan PPM akan berjumpa dengan pelanggan bagi tujuan nasihat dan memberi cadangan produk. Apabila pelanggan bersetuju dan memilih produk

yang ingin dihibahkan, pelanggan perlu mengisi Borang Pendaftaran Perkhidmatan Pengurusan dan Preancangan (BPP1). Dokumen lain yang diperlukan adalah salinan kad pengenalan pemberi hibah, salinan kad pengenalan penerima hibah, salinan kad pengenalan wakil, salinan geran, salinan perjanjian S&P (*sales and purchase agreement*), salinan *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) atau *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT) dan salinan buku akaun. Bayaran produk boleh dibuat oleh pelanggan dengan kaedah tunai atau cek atau arahan bank terus kepada Wasiyyah Shoppe Berhad (Nurul Huda 2016).

Bagi penyimpanan data, PPM akan menyerahkan maklumat kepada KPE dan KPE *key-in* data pelanggan ke dalam sistem E-Wasiyyah. Tindakan PPM adalah menghantar kesemua borang hantaran, borang langganan dan bukti bayaran pelanggan ke WSB. Kemudian, pihak WSB akan menyediakan dokumen pelanggan, terma dan syarat perkhidmatan dan penyediaan kad langganan. Apabila dokumen telah siap untuk ditandatangani, PPM akan bertemu pelanggan untuk majlis aqad. Majlis ini melibatkan pihak pemberi hibah dan penerima hibah dan dokumen hibah perlu ditandatangani oleh pemberi hibah, penerima hibah, dua orang saksi lelaki dan dicop dengan setem hasil. Borang akaun lafaz digunapakai dalam menyampaikan aqad (Nurul Huda 2016).

Apabila dokumen telah siap ditandatangani oleh pelanggan, PPM akan menghantar kepada WSB sama ada melalui tangan atau pos. WSB akan menyiapkan dokumen yang telah siap dengan cop pesuruhjaya sumpah serta dijilid (*binding*) dan terus dihantar kepada pelanggan melalui pos. Satu salinan dokumen yang lengkap disimpan di WSB. Secara keseluruhannya, pengurusan hibah di WSB dilaksanakan dengan kaedah yang demikian, namun begitu terdapat pilihan lain bagi pelanggan untuk memilih bentuk pengurusan yang diinginkan (Nurul Huda 2016).

Terdapat dua bentuk pengurusan produk hibah yang disediakan kepada pelanggan oleh WSB, iaitu:

- (a) Pengurusan Hibah Komprehensif - pengurusan bentuk ini menawarkan pengurusan seperti perkhidmatan rundingcara peribadi untuk waris berkenaan selepas kematian pelanggan, pelantikan Peguam Syarie untuk memfailkan affidavit pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi dan tanggungan kos guaman bagi proses perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah sehingga ke tahap Perintah Pengesahan Hibah dikeluarkan (sekiranya perlu).
- (b) Pengurusan Pra-Hibah yang hanya menawarkan perkhidmatan menyediakan Dokumen Pengistiharan Hibah dan perkhidmatan melengkapkan Dokumen Pengistiharan Hibah dengan setem hasil.

Pengendalian Pengurusan Produk Hibah As-Salihin Trustee (ASTB)

Pengurusan hibah di As-Salihin Trustee Berhad (ASTB) dilaksanakan dengan melantik Islamic Estate Planner (IEP) sebagai agen perantara yang menghubungkan antara pelanggan dan ASTB. Tujuan pelantikan IEP ini kerana, ASTB hanya mempunyai bilangan staf yang agak terhad. Terlebih dahulu IEP akan diberikan taklimat dan latihan berkenaan produk dan pendedahan pengurusan produk pada setiap bulan. Kemudian, IEP akan memberi ceramah dan mempromosikan produk hibah kepada masyarakat (Hairulazlan 2018).

Jika ada pelanggan yang berminat untuk melakukan hibah, IEP berperanan memberi khidmat nasihat seperti penerangan mengenai hibah keseluruhan harta. Hal ini kerana, pihak As-Salihin mahu institusi faraid terus dihormati dengan menjaga hak-hak waris dan dari aspek pembayaran hutang yang jika tidak ada lagi aset yang ditinggal boleh membebaskan waris. IEP mengumpulkan semua maklumat dan data seperti maklumat diri dan harta serta kaedah pembahagian hibah yang diingini oleh pelanggan. Kemudian, kesemua maklumat akan dihantar ke bahagian undang-undang untuk dilakukan semakan ke atas status harta. Harta tersebut perlu disertakan dengan bukti pemilikan seperti salinan geran dan hanya harta yang berstatus milk sempurna (*milk al-tam*) sahaja yang dibenarkan. Maka, harta yang masih dalam pinjaman atau harta yang ada hutang tidak boleh menjadi harta yang ingin dihibahkan (Hairulazlan 2018).

Selepas semakan dilakukan, Deklarasi Hibah dikeluarkan dan diserahkan kepada IEP untuk tujuan aqad hibah. Semasa urusan majlis aqad hibah dilakukan, As-Salihin menetapkan perlunya kehadiran *settlor*, benefisiari jika settlor tidak mahu benefisiari tahu bahawa dia penerima, *settlor* akan menerima bagi pihak benefisiari, kes ini sama situasi hibah kepada anak di bawah umur 18 tahun. Jika dilihat, qabd tidak berlaku secara langsung tetapi *qabd* hibah ini berlaku secara tidak langsung yang disempurnakan oleh pemegang amanah. Selain itu, dua orang saksi lelaki perlu ada yang mana salah seorang terdiri daripada peguam atau pesuruhjaya sumpah. Dokumen yang perlu ada semasa majlis aqad adalah dokumen Deklarasi Hibah yang terkandung butir-butir hibah serta Surat Ikatan Amanah atau *trust deed* dan Surat Pelantikan Wasi (Hairulazlan 2018).

Kemudian, Deklarasi Hibah tersebut akan disimpan di As-Salihin dan juga disimpan oleh pelanggan. Penyimpanan dokumen dilakukan sendiri oleh As-Salihin kerana status As-Salihin sebagai syarikat amanah. Selepas berlakunya kematian *settlor* (pemberi hibah atau pembuat amanah), ASTB akan menghubungi waris dan melaksanakan peranan As-Salihin seperti yang dinyatakan dalam Surat Kuasa Wakil. Pengesahan hibah di mahkamah hanya diperlukan jika ada pertikaian mengenai harta hibah. Jika tiada pertikaian, As-Salihin akan kuatkuasakan Surat Kuasa Wakil di Mahkamah Tinggi Sivil (Hairulazlan 2018).

Perbandingan Pengendalian Pengurusan Produk Hibah di antara WSB dan ASTB

Bagi pengendalian pengurusan produk hibah, penulis memberi pengelasan antara persamaan dan perbezaan terhadap kedua-dua syarikat.

▪ Persamaan kedua-dua syarikat

Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad merupakan syarikat yang terlibat secara langsung dalam pengurusan hibah dalam perancangan harta. Berikut tiga persamaan yang dapati oleh penulis:

(1) Matlamat penubuhan syarikat

Kedua-dua syarikat ini mempunyai matlamat penubuhan yang sama iaitu bagi memenuhi keperluan umat Islam dalam memelihara, melindungi dan mengagih harta berdasarkan hukum syarak (patuh syariah). Seterusnya, mereka juga menjadikan syarikat sebagai satu platform

kepada umat Islam untuk mengurus harta secara efektif dan cekap dengan adanya bantuan daripada pakar rujuk dalam bidang. Selain itu, matlamat mereka juga bagi memelihara keharmonian dalam institusi kekeluargaan dengan melakukan perancangan harta yang terbaik mengikut hajat pemilik harta melalui hibah.

(2) Agen perantara

Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad bertindak melalui agen perantara yang dilantik oleh syarikat. Agen-agen perantara ini berperanan dalam menyampaikan maklumat dan memberi panduan dalam menyediakan dokumen hibah menurut hajat pemberi hibah. Namun begitu, gelaran yang diberikan setiap syarikat adalah berbeza, di WSB dikenali sebagai Perunding Profesional Mawarith (PPM) dan di ASTB dikenali sebagai *Islamic Estate Planning* (IEP). Agen-agen perantara yang ada ini terlebih dahulu diberikan taklimat mengenai pengurusan hibah dan tindakan yang perlu dilakukan sehingga selesai proses dokumentasi. Selain itu, mereka juga didedahkan dengan strategi pemasaran produk dan perkhidmatan syarikat masing-masing. Apabila kursus telah dihadiri, mereka juga perlu lulus ujian bertulis yang dijalankan.

(3) Pengurusan dokumentasi

Selain itu, kedua-dua syarikat berkenaan mempunyai persamaan dari aspek pengurusan dokumentasi. Terdapat tiga tahap dalam pengurusan dokumentasi iaitu sebelum, semasa dan selepas. Pada tahap sebelum dokumentasi dilakukan, agen perantara mengambil peranan dengan memberikan taklimat dan maklumat mengenai produk secara terperinci. Agen bertindak memasarkan produk dengan pelbagai kaedah seperti ceramah dan media sosial melalui *facebook*, *instagram* dan blog. Kemudian pada peringkat semasa dokumentasi dilakukan, bahagian undang-undang dan dokumen syarikat akan mengambil peranan dengan menyemak harta-harta dan setiap maklumat yang berkaitan dengan harta berkenaan.

Selepas itu, dokumen yang telah siap akan ditandatangani oleh pihak yang terlibat dalam hibah seperti pemberi hibah, penerima hibah, saksi dan pemegang amanah jika ada. Akhir sekali, syarikat akan menyimpan dokumen hibah yang telah lengkap. Kedua-dua syarikat ini menggunakan nama yang berbeza dalam penyediaan dokumen hibah. Dokumen hibah di WSB disebut Dokumen Pengisytiharan Hibah, manakala di ASTB disebut sebagai Deklarasi Hibah. Persamaan kedua-dua syarikat ini dapat diringkaskan seperti jadual berikut:

Persamaan Pengurusan Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad

Persamaan	Syarikat	
	Wasiyyah Shoppe Berhad	As-Salihin Trustee Berhad
Matlamat	Bagi memenuhi keperluan umat Islam dalam memelihara,	

penubuhan syarikat	melindungi dan mengagih harta yang berlandaskan hukum syarak.	
Agen perantara	Dikenali sebagai Perunding Profesional Mawarith (PPM)	Dikenali sebagai <i>Islamic Estate Planner</i> (IEP)
Pengurusan dokumentasi	Melalui tiga peringkat iaitu sebelum dokumentasi hibah, semasa dokumentasi hibah dan selepas dokumentasi hibah.	
	Dokumen hibah di sebut Dokumen Pengisytiharan Hibah	Dokumen Hibah disebut Deklarasi Hibah

▪ **Perbezaan kedua-dua syarikat**

Terdapat empat perbezaan yang dikenalpasti dalam pengurusan produk hibah antara Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad, iaitu:

(1) Undang-undang yang terpakai

WSB dan ASTB telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Bahagian II, Seksyen 9, akta ini memperuntukkan:

sesuatu syarikat hendaklah mempunyai-

- (a) nama;
- (b) seorang atau lebih anggota, yang mempunyai liabiliti terhad atau tidak terhad bagi obligasi syarikat itu;
- (c) dalam hal suatu syarikat berhad dengan syer, satu atau lebih syer; dan
- (d) seorang atau lebih pengarah.

Seterusnya, ASTB juga turut tertakluk kepada Akta Syarikat Amanah 1949, di mana Seksyen 4(1) akta ini memperuntukkan:

Apabila menerima suatu permohonan di bawah seksyen 3, Pendaftar hendaklah membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, dan jika Pendaftar berpuas hati bahawa semua kehendak seksyen 3 telah dipatuhi, hendaklah mendaftarkan syarikat yang memohon untuk pendaftaran dalam daftar yang ditetapkan oleh seksyen 6 dan mengeluarkan suatu perakuan bahawa ia didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah kepada syarikat itu, dan sesudah itu syarikat itu hendaklah terletak hak dengan segala kuasa, keistimewaan dan kekebalan yang diberikan, dan hendaklah tertakluk kepada segala liabiliti yang dikenakan, oleh Akta ini.

Justeru, dapat dilihat bahawa penubuhan WSB hanya tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, manakala penubuhan ASTB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat Amanah 1949. Perbezaan undang-undang ini memberi kesan kepada pengamalan kedua-dua syarikat. Bagi penyimpanan dokumen, ASTB menyimpan sendiri tanpa melibatkan institusi lain, sebaliknya bagi Wasiyyah Shoppe penyimpanan dokumen dibuat kepada UBB Amanah Berhad.

(2) Peranan syarikat

Melalui pengurusan hibah yang dilaksanakan, terdapat perbezaan peranan kedua-dua syarikat. WSB hanya berperanan sebagai perantara terhadap pengurusan hibah dan pemberi hibah.

Manakala, ASTB akan mengambil peranan *wasi* apabila syarat utama yang dilaksanakan dalam deklarasi hibah ASTB, iaitu *settlor* perlu melantik ASTB sebagai *wasi* selain menjadi pemegang amanah gantian apabila *settlor* hilang keupayaan mengurus atau meninggal dunia.

(3) Kaedah pengurusan

Kaedah pengurusan di WSB menggunakan dua kaedah pengendalian iaitu Hibah Komprehensif dan Pra-Hibah. Kedua-dua bentuk pengurusan ini memberi kesan terhadap peranan dan tindakan yang diambil oleh WSB. Jika pelanggan memilih Hibah Komprehensif, pengurusan hibah dilakukan sehingga harta tersebut diberikan kepada penerima hibah. Manakala, jika pelanggan memilih Pra-Hibah, peranan WSB sehingga selesai penyediaan dokumen dan isu berbangkit selepas itu diselesaikan oleh waris.

Berbeza pula pengurusan Pri-Hibah di As-Salihin Trustee yang hanya menawarkan satu jenis pengurusan dengan melantik ASTB sebagai wasi utama kepada harta *settlor* dan ASTB berperanan menyimpan dokumen dan juga menguruskan harta hibah sehingga diperoleh oleh penerima hibah.

(4) Penyimpanan dokumen (*safekeeping document*)

Dari aspek penyimpanan dokumen, As-Salihin menyimpan sendiri dokumen-dokumen pelanggan kerana status As-Salihin sebagai syarikat amanah atau *trustee*. Berbeza pula dengan WSB yang melantik syarikat amanah lain untuk menyimpan dokumen pelanggan. WSB menyimpan dokumen di bawah UBB Amanah Berhad. Ringkasan perbezaan kedua-dua syarikat ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Perbezaan Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad

Perbezaan	Syarikat	
	Wasiyyah Shoppe Berhad	As-Salihin Trustee Berhad
Undang-undang yang terpakai	Akta Syarikat 1965.	Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat Amanah 1949.
Peranan syarikat	Sebagai pengantara dalam membantu pemberi hibah melaksanakan perancangan harta melalui hibah.	Sebagai wasi dan pemegang amanah gantian dalam keseluruhan pengurusan harta hibah.
Kaedah pengurusan	Dua bentuk pengurusan berbeza iaitu Hibah Komprehensif dan Pri-Hibah.	Satu bentuk pengurusan, di mana ASTB melantik dirinya sebagai wasi utama hibah.
Penyimpanan dokumen (<i>safekeeping document</i>)	Disimpan kepada UBB Amanah Berhad.	Disimpan oleh ASTB Trustee Berhad.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, wujud kepelbagaian dalam corak pengurusan hibah di kedua-dua syarikat. Berikutan itu, perbezaan pengurusan ini akan menimbulkan kesan kepada pentadbiran hibah jika berlaku pertikaian. Secara umumnya, pengesahan hibah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah, tetapi jika ada kontrak atau elemen lain yang digabungkan sekali, bidang kuasa boleh terletak di bawah pentadbiran Mahkamah Sivil. Sebagai contoh, hibah yang dilakukan bersama kontrak amanah akan memberi kesan pentadbiran di bawah Mahkamah Tinggi Sivil. Oleh hal yang demikian, masyarakat perlu meneliti jenis pengurusan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat kerana mempunyai implikasi yang besar di kemudian hari.

Rujukan

Adilah Binti Mohd Sa'afie. 2015. Aplikasi prosedur pengurusan pembahagian harta pusaka kecil bagi orang Islam di Unit Pembahagian Pusaka Hulu Langat: isu-isu dan penyelesaiannya. Latihan Ilmiah. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akta Syarikat 1965.

Akta Syarikat Amanah 1949.

Azman Ismail. 2013. *Islamic Inheritance Planning 101*. Kuala Lumpur: IBFIM.

Ibn Qudamah, °Abd Allah Bin Ahmad. 1968. *al-Mughni*. Jil. 5. Mesir: Maktabah al-Qaherah.

Mohd Hairulazlan Ramlan. 2018. Pengendalian Hibah ASTB. Kelana Jaya. Temubual, 5 Feb.

Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. Signifikan hibah sebagai instrumen perancangan harta orang Islam di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurul Huda Abdullah. 2016. Pengendalian Hibah WSB. Kuala Lumpur. Temubual, 16 Mac.

Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari* 5(1): 91-104.